



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

BUKU PANDUAN NO. 7

(PERATURAN KURSUS, PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN)

Bulan Sabit Merah Malaysia

Ibu Pejabat Kebangsaan
JKR 32, Jalan Nipah, Off Jalan Ampang
55000 Kuala Lumpur
Tel: 03-42578122 Faks: 03-42570032
Website: <http://www.redcrescent.org.my>

Cetakan 2009

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan Buku Panduan ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, makanik, rakaman atau cara lain dengan mendapat izin bertulis dari Institut Latihan BSMM, Ibu Pejabat Kebangsaan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Muka Taip teks: Tahoma **Bold** / Normal
Saiz taip teks: 14

Disusun oleh:
Haris Ibrahim

Dengan Kerjasama
Semua Staf Institut Latihan BSMM, Ibu Pejabat Kebangsaan BSMM
tahun 2009

Diterbit oleh:

IBU PEJABAT KEBANGSAAN
BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
32, JALAN NIPAH, OFF JALAN AMPANG, 55000 KUALA LUMPUR

	KANDUNGAN	Muka surat
SEKSYEN 1	PREAMBLE	
BAB 1	Kursus-kursus Persijilan dan Peperiksaan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)	1- 5
BAB 2	Pemberian dan Pembaharuan Sijil-sijil	6 – 8
BAB 3	Pensyarah/Jurulatih/Pemeriksa	9 – 14
BAB 4	Menjalankan Kursus-kursus dan Peperiksaan Persijilan BSMM	15 – 19
BAB 5	Tugas Seorang Penganjur	20 – 22
BAB 6	Yuran dan Elaun	23 – 25
BAB 7	Kursus-kursus dan Peperiksaan BSMM	26 – 28
BAB 8	Kursus Ulangkaji Persijilan Bulan Sabit Merah Malaysia	29
BAB 9	Lencana Kecekapan Ahli-ahli Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)	30 - 31
KEMBARAN A	Cara Pemakaian Lencana Jurulatih dan Jurulatih Kanan	32
KEMBARAN B	Cara Pemakaian Lencana Persijilan untuk Ahli PBS	33
BAB 10	Skim Lencana Kecekapan Untuk Ahli-ahli Belia BSMM	34 – 40
BAB 11	Skim Lencana Kecekapan Untuk Ahli Kanak-kanak BSMM	41 – 44
SEKSYEN 2	SUKATAN PELAJARAN UNTUK UNIT BELIA DAN SKIM LENCANA KECEKAPAN	
KEMBARAN C	Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	46 – 50
KEMBARAN D	Pertolongan Cemas Asas dan CPR	51 – 55
KEMBARAN E	Pendidikan Kesihatan	56 – 58
KEMBARAN F	Kawat	59 – 62
KEMBARAN G	Kem Kraf	63 – 65
KEMBARAN H	Pencegahan Kebakaran	66 – 68
KEMBARAN I	Cara-cara Pemakaian Lencana Kecekapan Untuk Belia	69
KEMBARAN J	Contoh Surat Akuan – Skim Lencana Kecekapan Untuk Belia	70

SEKSYEN 3	SUKATAN PELAJARAN UNTUK UNIT KANAK-KANAK DAN SKIM LENCANA KECEKAPAN	
KEMBARAN K	Pendidikan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah	72 – 74
KEMBARAN L	Pendidikan Kesihatan	75 – 76
KEMBARAN M	Pertolongan Cemas Junior	77 – 78
KEMBARAN N	Persahabatan dan Persefahaman Antarabangsa	79
KEMBARAN O	Perkhemahan dan Hukum Kawad	80 – 82
KEMBARAN P	Cara-cara Pemakaian Lencana Kecekapan Untuk Ahli Kanak-kanak	83
KEMBARAN Q	Contoh Surat Akuan – Skim Lencana Kecekapan Untuk Kanak-kanak	84
SEKSYEN 4	SUKATAN PELAJARAN UNTUK AHLI BULAN SABIT MERAH	
KEMBARAN R	Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	86
LAMPIRAN 1	Untuk Ahli Pasukan Bantuan Sukarela	87- 90
LAMPIRAN 2	Untuk Guru-guru Pemimpin BSMM	91 – 94
KEMBARAN S	Pertolongan Cemas Asas dan CPR	95 – 100
KEMBARAN T	Bantuan Bencana dan Operasi Menyelamat	101 – 106
KEMBARAN U	Pendidikan Kesihatan	107 – 109
KEMBARAN V	Rawatan Rumah	110 – 112
KEMBARAN W	Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR	113 – 119
KEMBARAN X	Pentadbiran dan Pengurusan	120 – 122
KEMBARAN Y	Kaedah Mengajar	123 – 125
KEMBARAN Z	Bantuan Hidup Asas	126 – 129
KEMBARAN AA	Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	130 – 143
KEMBARAN AB	Kawat	144 – 146
KEMBARAN AC	Solekan Kecederaan	147 – 149
SEKSYEN 5	SUKATAN PELAJARAN UNTUK ORANG AWAM	
KEMBARAN AD	Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah	151 – 153

KEMBARAN AE	Pengenalan Pertolongan Cemas dan CPR	154 – 156
KEMBARAN AF	Pertolongan Cemas Asas dan CPR	157 – 162
KEMBARAN AG	Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR	163 – 169
KEMBARAN AH	Bantuan Hidup Asas	170 – 172

SEKSYEN 6 BORANG-BORANG

KEMBARAN A I	Borang Penilaian Kursus	174
KEMBARAN A J	Borang Permohonan Kertas Soalan	175
KEMBARAN A K	Borang Penyata Peperiksaan	176 – 177
KEMBARAN AL	Borang Penyata Persijilan – Persijilan Jurulatih	178 – 179
KEMBARAN AM	Borang Permohonan Memperbaharui Sijil Jurulatih dan Jurulatih Kanan	180 – 181
KEMBARAN AN	Rekod Kelayakan Untuk Jurulatih/Jurulatih Kanan/Tauliah Perlantikan	182 – 183
KEMBERAN AO	Borang Perlantikan Jawatan Sukarela Bagi Pensyarah/Pemeriksa	184

*Di susun oleh:
Tuan Hj Haris Ibrahim
Pengurus
Perkhidmatan Pertolongan Cemas*

CATATAN PENERBIT

Penerbitan Buku Panduan No 7 ini adalah tepat pada masanya dan banyak perubahan telah dibuat oleh Jawatankuasa Latihan Kebangsaan bagi mengemaskinikan jentera latihan kebangsaan. Penerbitan yang lebih kemas kini ini diharap memudahkan semua pihak sama ada Jurulatih atau peserta kursus. Semua bahan yang dicetak di dalam edisi ini adalah berdasarkan pindaan yang diluluskan oleh Lembaga Eksekutif Kebangsaan.

Dalam mengendalikan penerbitan edisi kami telah membuat beberapa pengubahsuaian dan menyusun semula seksyen dan nombor. Sebagai tambahan, kami turut meletakkan nota penjelasan di bahagian-bahagian tertentu untuk lebih mudah difahami.

Moga-moga penerbitan edisi ini terbaru ini akan terus membantu Ahli-ahli BSMM, Orang-orang awam, Ahli-ahli Korporat kerana kerana Silibus Latihan Pertolongan Cemas ini telah diiktiraf oleh Tabung Pembangunan Sumber Tenaga Manusia sebagai Program Latihan yang di luluskan (PROLUS) di bawah Kementerian Tenaga Manusia dan Akta Keselamatan Tempat Kerja (Occupational Safety & Health Act) - (OSHA)

Institut Latihan
Bulan Sabit Merah Malaysia
Kuala Lumpur

Sebarang teguran untuk memperbaiki penerbitan ini adalah dialukan oleh pihak Institut

BAB 1

KURSUS-KURSUS PERSIJILAN & PEPERIKSAAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM)

Pendahuluan

1. Kesemua kursus-kursus dianjurkan oleh BSMM adalah untuk ahli-ahlinya dan juga kepada orang ramai. Peperiksaan boleh dijalankan di akhir setiap kursus-kursus tertentu dan sijil akan dianugerahkan kepada peserta-peserta kursus yang telah menyempurnakan kursus dengan jayanya.

Kategori – Kategori

2. Kursus-kursus adalah dikategorikan seperti berikut :

2.1 Untuk Ahli BSMM

2.1.1 Kursus Persijilan BSMM

- a. Persijilan BSMM untuk Sekolah - Eksklusif untuk mereka di Sekolah Menengah
- b. Persijilan BSMM Asas - Untuk Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)
- c. Persijilan BSMM Lanjutan - Untuk Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)
- d. Sijil Kawat Kaki - Untuk Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)

2.2. Untuk Jurulatih BSMM

2.2.1 Kaedah Mengajar

- 2.2.2 Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA)
- 2.2.3 Bantuan Hidup Asas

2.3. Untuk Orang Awam

- 2.3.1 Pengenalan Pertolongan Cemas dan Kardio Pulmonari Resusitasi
- 2.3.2 Pertolongan Cemas Asas dan CPR BSMM
- 2.3.3 Bantuan Hidup Asas
- 2.3.4 Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR BSMM

Kursus-kursus Persijilan BSMM

3. Kursus-kursus dibahagikan kepada tiga peringkat :

3.1 Persijilan BSMM untuk Sekolah

Kursus ini dikhatusukan untuk ahli-ahli Belia di Sekolah Menengah. Sukatan pembelajaran merangkumi 3 perkara seperti berikut:

- 3.1.1 Pendidikan mengenai Palang Merah/Bulan Sabit Merah /Asas Undang-undang Kemanusian Antarabangsa
- 3.1.2 Pertolongan Cemas Asas dan CPR
- 3.1.1 Pendidikan Kesihatan

3.2. Persijilan BSMM

Kursus ini adalah untuk ahli-ahli Pasukan Bantuan Sukarela. Sukatan pelajaran mengandungi 8 perkara seperti berikut :

Persijilan Asas:

- 3.2.1 Pendidikan mengenai Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Asas Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa
- 3.2.2 Pertolongan Cemas Asas dan CPR
- 3.2.3 Bantuan Bencana dan Operasi Menyelamat
- 3.2.4 Rawatan Rumah atau Pendidikan Kesihatan

Persijilan Lanjutan:

- 3.2.5 Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR
- 3.2.6 Pentadbiran dan Pengurusan

Persijilan Tambahan untuk Jurulatih Kanan

- 3.2.7 Bantuan Hidup Asas
- 3.2.8 Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Persijilan Tambahan

- 3.2.9 Sijil Kawat Kaki
- 3.2.10 Sijil Simulasi Kecederaan

3.3 Jurulatih BSMM

- 4. Untuk menjadi Jurulatih, Jurulatih Kanan atau Jurulatih Skim Lencana Kecekapan Belia (Sekolah Menengah) dan Kanak-kanak (Sekolah Rendah) seseorang calon itu hendaklah lulus kursus-kursus berikut :

4.1 Kursus Kaedah Mengajar

Untuk ahli-ahli telah lulus di dalam kesemua mata pelajaran di perenggan 3.2 dan berpotensi menjadi Jurulatih boleh memohon untuk menjadi Jurulatih BSMM setelah mengikuti kursus Kaedah Mengajar yang mengandungi modul 8 jam, wajib lulus di dalam

peperiksaan disahkan boleh mengajar dalam modul 'MICRO TEACHING', dengan mendapat sokongan dari Cawangan masing-masing

Guru-guru yang berkelayakan dengan sijil perguruan yang diiktiraf adalah dikecualikan daripada menghadiri kursus ini.

4.2 Lulus Penilaian Latihan Mengajar (*Practical Assessment*)

Peserta hanya akan diberikan pengiktirafan sebagai Jurulatih setelah lulus Penilaian Latihan Mengajar yang akan dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan

4.3 Permohonan Sijil Jurulatih

Ahli Bulan Sabit Merah Malaysia yang telah cukup syarat dengan lulus di dalam Persijilan Asas, Lanjutan yang ingin menjadi Jurulatih, dikehendaki lulus kursus Kaedah Mengajar dan Penilaian Latihan Mengajar (Guru terlatih dikecualikan). Pemohon dikehendaki mengisi borang Penyata Persijilan untuk Sijil Jurulatih melalui Cabang/Cawangan masing-masing. Contoh borang adalah seperti di **Kembaran AL**

5. Jurulatih BSMM yang ingin meningkatkan Sijil Jurulatihannya kepada Jurulatih Kanan, diwajibkan mengikuti kursus dan lulus didalam **dua mata pelajaran** seperti berikut:

5.1 Kursus Bantuan Hidup Asas

Jurulatih BSMM yang ingin meningkatkan sijil kejurulatihan mereka ke Jurulatih Kanan perlu mengikuti kursus Bantuan Hidup Asas yang mengandungi 8 jam modul pengajaran dan lulus di dalam peperiksaannya sebelum dapat dipertimbangkan untuk dinaikkan kepada taraf Jurulatih Kanan.

5.2 Kursus Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Jurulatih BSMM yang berkelayakan yang ingin meningkatkan kedudukan sebagai Jurulatih Kanan harus lulus di dalam peperiksaan ini. Sukatan Pelajaran Undang-undang Kemanusiaan

Antarabangsa (UUKA) mengandungi modul 35 jam pembelajaran. Mana-mana peserta yang telah menghadiri kursus UUKA yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan (IPK) dengan kerjasama Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) akan diberikan pengecualian.

Kursus Pertolongan Cemas untuk Orang Awam

6. Hanya kursus Pertolongan Cemas sahaja yang ditawarkan kepada orang awam. Kursus akan diikuti dengan peperiksaan di akhir setiap kursus dan sijil akan diberi kepada calon-calon yang telah menyempurnakan kursus dengan jayanya.
7. Orang awam boleh memilih salah satu daripada 4 kursus yang ditawarkan seperti berikut:

7.1 Pengenalan Pertolongan Cemas dan Kardio Pulmonari Resusitasi

Ia adalah Modul 8 jam dan 3 jam diperuntukkan kepada Peperiksaan diakhir kursus tersebut.

7.2 Pertolongan Cemas Asas Di Tempat Kerja

Modul 14 jam diperuntukkan dan lebih kurang 4 jam untuk peperiksaan di akhir kursus ini.

7.3 Bantuan Hidup Asas

Modul 8 jam diperuntukkan termasuk 1 jam untuk peperiksaan di akhir kursus ini.

7.4 Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR BSMM

Kursus ini hanya ditawarkan kepada calon-calon yang telah memperolehi Persijilan Asas Pertolongan Cemas BSMM. Kursus yang padat ini mengambil masa 20 jam pembelajaran dan 4 jam peperiksaan di akhir kursus ini.

BAB 2

PEMBERIAN DAN PEMBAHARUAN SIJIL-SIJIL

Pemberian Sijil-Sijil

1. Sijil-sijil akan diberikan kepada calon-calon yang berjaya di dalam Peperiksaan Persijilan BSMM. Ianya berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

Mata Pelajaran Tunggal

2. Sijil bagi setiap satu mata pelajaran tunggal akan diberikan kepada calon-calon yang lulus sepetimana yang ditentukan mengikut tahap-tahap Asas dan Lanjutan.

Pengeluaran Sijil-Sijil

3. Sijil-sijil akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan.

Tandatangan

4. Pegawai-pegawai yang diberikan kuasa untuk menandatangani sijil-sijil adalah seperti berikut :

- | | | |
|---|---|---|
| 4.1 Sijil-sijil BSMM | - | Pengerusi Jawatankuasa Latihan Kebangsaan |
| | - | Pengerusi Lembaga Peperiksaan |
| 4.2 Tauliah Perlantikan Pensyarah/Pemeriksa | - | Pengerusi Kebangsaan BSMM |
| 4.3 Sijil Jurulatih | - | Pengerusi Jawatankuasa Latihan Kebangsaan |
| 4.4 Pembaharuan Sijil | - | Pengerusi Jawatankuasa Latihan Kebangsaan |

		-	Pengerusi Lembaga Peperiksaan
4.6	Sijil Kehadiran:		
4.6.1	Peringkat Kebangsaan	-	Pengerusi Jawatankuasa Latihan Kebangsaan
4.6.2	Pringkat Cawangan	-	Pengerusi Cawangan/Naib Pengerusi/Pengarah
4.6.3	Peringkat Cabang	-	Pengerusi Cabang/ Naib Pengerusi
4.7	Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah	-	Pengerusi Jawatankuasa Latihan Kebangsaan /Pengerusi Cawangan /Pengerusi Cabang
4.8	Rakan Kongsi Kemanusiaan	-	Seperti di perenggan 4.7

Pembaharuan Sijil

5. Sijil-sijil Pertolongan Cemas dan Bantuan Hidup Asas hanya sah tempoh lakunya selama 3 tahun. Untuk memperbaharui sijil-sijil tersebut calon-calon dikehendaki menghadiri kursus sepenuh dan lulus peperiksaan. Kriteria berikut adalah di ambilkira:
 - 5.1 Bagi memperbaharui Sijil Pertolongan Cemas Asas dan CPR, calon-calon perlu menjalani kursus Pertolongan Cemas Asas dan CPR selama 14 jam tanpa peperiksaan.
 - 5.2 Bagi memperbaharui Sijil Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR, pemegang sijil tersebut perlu menjalani kursus ulangkaji Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR selama 20 jam tanpa peperiksaan.
6. Bagi mereka yang mempunyai sijil Pertolongan Cemas Asas dan Lanjutan yang ingin memperbaharui sijil, mereka hanya perlu menduduki kursus untuk yang tertinggi sahaja iaitu: kursus Pertolongan Cemas Lanjutan.

Pembaharuan Sijil-Sijil Jurulatih

7. Untuk memperbaharui Sijil Jurulatih, calon-calon dikehendaki menghadiri kursus Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR yang memakan masa 20 jam dan lulus **penilaian** yang akan dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Ibu Pejabat Kebangsaan.
8. Untuk memperbaharui Sijil Jurulatih Kanan, calon-calon dikehendaki menghadiri kursus:
 - 8.1 Pertolongan Cemas Lanjutan selama 20 jam
 - 8.2 Bantuan Hidup Asas selama 8 jam dan lulus penilaian yang akan di kendalikan oleh Lembaga Peperiksaan.
9. Sijil-sijil hendaklah diperbaharui 6 bulan sebelum tamat tarikh luput sijil atau Tidak lewat dari 6 bulan selepas tarikh luput sijil.

BAB 3

PENSYARAH/JURULATIH/PEMERIKSA

Kategori-Kategori

Kategori-kategori Pensyarah/Jurulatih dan Pemeriksa yang berkelayakan untuk mengajar dan mengendalikan kursus untuk Peperiksaan Persijilan BSMM atau lain-lain kursus BSMM adalah seperti berikut :

- 1.1 Jurulatih BSMM yang berkelayakan
- 1.2 Pengamal Perubatan – Doktor Perubatan, Pembantu Perubatan dan Jururawat Terlatih
- 1.3 Pegawai Undang-undang – arif dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa
- 1.4 Pensyarah dan Jurulatih yang khusus dengan jawatannya atau bidangnya seperti Pegawai Bomba dan Penyelamat, Pegawai Pertahanan Awam, Jurulatih Kawat dll.

Jurulatih BSMM Berkelayakan

2. Jurulatih BSMM Berkelayakan dibahagikan kepada tiga kategori :

- 2.1 Jurulatih
- 2.2 Jurulatih Kanan
- 2.3 Jurulatih Skim Lencana Kecakapan Belia dan Kanak-kanak

*Jurulatih Kawat Kaki

Jurulatih

3. Jurulatih BSMM lulus di dalam persijilan BSMM berikut :

- 3.1 Persijilan Asas BSMM
- 3.2 Persijilan Lanjutan BSMM
- 3.3 Kaedah Mengajar (Pedagogi)
- 3.4 Sijil Penilaian Kecekapan

Nota:

* Mempunyai sijil kelayakkan sebagai Jurulatih Kawat yang dikeluarkan oleh unit Tentera, Kementerian Pertahanan.

4. Mereka layak untuk menjalankan dan mengajar Kursus-kursus Persijilan BSMM bagi tahap-tahap berikut:

- 4.1 Persijilan BSMM untuk Sekolah
- 4.2 Persijilan Asas Pertolongan Cemas dan CPR
- 4.3 Persijilan Lanjutan Pertolongan Cemas dan CPR (oleh Jurulatih Kanan)
- 4.4 Pengenalan Pertolongan Cemas & CPR
- 4.5 Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah
- 4.6 Rakan Kongsi Kemanusiaan
- 4.7 Kaedah Mengajar (oleh Jurulatih Kanan dan Guru terlatih)

Kesahihan Sijil Jurulatih

5. Sijil Jurulatih hanya sah selama 3 tahun sahaja, selepas itu Jurulatih dikehendaki menghadiri kursus ulangkaji Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR selama 20 jam dan melalui penilaian yang akan dikendalikan oleh Ahli Lembaga Peperiksaan

Jurulatih Kanan

6. Bagi melayakkan diri sebagai Jurulatih Kanan, calon-calon dikehendaki memenuhi peraturan-peraturan berikut:

- 6.1 Mengajar selama sekurang-kurangnya 30 jam yang melibatkan setiap mata pelajaran bagi tahap Asas. Di tahap Lanjutan beliau hanya dikehendaki menjadi pembantu kepada Jurulatih Kanan.
 - 6.2 Menjalankan sekurang-kurangnya 5 kursus Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah.
 - 6.3 Menyempurnakan tempoh 3 tahun sebagai Jurulatih.
 - 6.4 Lulus Peperiksaan Bantuan Hidup Asas (CPR).
 - 6.5 Lulus Peperiksaan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Bagi mereka yang telah menghadiri kursus Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa anjuran IPK dengan kerjasama ICRC adalah dikecualikan
 - 6.6 Menyempurnakan tugas-tugas Persatuan dengan memuaskan dan mendapat sokongan oleh Pengerusi Cawangan.
7. Mereka layak dan sesuai untuk mengajar di semua tahap kursus Peperiksaan BSMM dan juga lain-lain kursus yang relevan yang dianjurkan oleh BSMM.

Kesahihan Sijil Jurulatih Kanan

8. Sijil Jurulatih Kanan hanya sah untuk jangka masa 3 tahun dan untuk memperbaharunya, mereka harus menghadiri kursus ulangkaji Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR selama 20 jam dan kursus Bantuan Hidup Asas selama 8 jam. Lulus penilaian yang di kendalikan oleh Ahli Lembaga Peperiksaan.

Jurulatih Skim Lencana Kecakapan Belia dan Kanak Kanak (Guru Pemimpin)

9. Guru-guru yang telah lulus di dalam semua mata pelajaran berikut adalah layak menjadi Jurulatih Skim Lencana Kecekapan Belia dan Kanak-kanak di sekolah-sekolah Menengah dan Rendah:
 - Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa untuk guru.

- Pertolongan Cemas Asas & CPR
- Pendidikan Kesihatan

Mereka juga dibenar untuk mengendalikan kursus Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Di dalam Setiap Rumah bila diperlukan.

10. Sijil sebagai Jurulatih Skim Lencana Kecekapan Belia dan Kanak-kanak sah untuk jangka masa 3 tahun. Sijil tersebut boleh diperbaharui dengan menghadiri kursus Ulangkaji mata pelajaran Pertolongan Cemas Asas.

Pengamal Perubatan

11. Mereka ialah Doktor Perubatan, Pembantu Perubatan dan Jururawat Terlatih yang berkelayakan dalam :

- Pertolongan Cemas.
- Rawatan Rumah
- Pendidikan Kesihatan

Sebelum mereka diberi Tauliah sebagai Pensyarah /Pemeriksa, mereka harus ada pengetahuan mengenai Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Sekiranya mereka mengambil peperiksaan dan lulus di dalam matapelajaran tersebut, kebenaran adalah diberi untuk membolehkan mereka mengajar mata pelajaran Pendidikan Palang Merah /Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Mereka seharusnya mendaftar sebagai ahli Persatuan di cawangan.

Pegawai Undang-undang

12. Mereka mestilah Pegawai Undang-undang yang berpengetahuan dalam bidang Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa.

Pensyarah/Pemeriksa

13. Mereka mestilah pakar dalam bidang jawatan mereka masing-masing seperti Pegawai Bomba & Penyelamat, Pegawai Pertahanan Awam, Jurulatih Kawat ATM, Akauntan dll.

Pemeriksa-pemeriksa

14. Semua pensyarah berkelayakan dan jurulatih adalah layak menjalankan peperiksaan sebagai pemeriksa dan memberi markah kepada skrip jawapan.

Perubahan Jurulatih

15. Jurulatih Pertolongan Cemas yang ada sekarang yang tidak memperolehi Persijilan Penuh Asas & Persijilan Lanjutan BSMM sebelum ini dan ingin untuk diserap kepada status Jurulatih hendaklah mengikuti kursus khas dan peperiksaan yang mengandungi :
 - 15.1 Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa
 - 15.2 Pendidikan Kesihatan atau Rawatan Rumah
 - 15.3 Bantuan Bencana dan Operasi Menyelamat
 - 15.4 Pentadbiran dan Pengurusan
16. Setelah mendapat kelayakan Jurulatih, calon-calon bolehlah memohon untuk dinaikkan taraf kepada Jurulatih/Jurulatih Kanan melalui proses biasa sepertimana yang terkandung dalam Buku Panduan ini.

Pendaftaran Jurulatih / Pensyarah

17. Semua Cawangan diminta mempastikan bahawa Jurulatih Kanan, Jurulatih, Pensyarah dan Pemeriksa dan semua staf yang mengajar mesti didaftarkan nama dan kelayakan mereka kepada Panel Pensyarah dan Pemeriksa di Ibu Pejabat Kebangsaan (Sistem Pengumpulan Data) sebelum mereka dibenarkan menjalankan tugas sebagai Jurulatih Kanan, Jurulatih, Pensyarah dan Pemeriksa .

Tauliah Perlantikan

18. Tauliah Perlantikan akan diberi kepada yang bukan Jurulatih BSMM atas dasar pendaftaran dan jawatan yang dipegang. Namun mereka

hendaklah menjadi ahli BSMM sebelum memajukan permohonan dengan menggunakan borang **KEMBARAN AO**.

Lencana Kecekapan

19. Semua Jurulatih BSMM yang berkelayakan, dibenarkan memakai Lencana Jurulatih/Jurulatih Kanan, dipamerkan di sebelah atas poket kanan Pakaian Seragam.

Pendaftaran Jurulatih/Pensyarah dan Pemeriksa ke dalam Pengkalan Data

20. Semua Jurulatih, Jurulatih Kanan, Pensyarah dan Pemeriksa Bulan Sabit Merah Malaysia dikehendaki berdaftar dengan Pengkalan Data Jurulatih di Institut Latihan BSMM dengan mengisi borang seperti di **KEMBARAN AN**.

BAB 4

MENJALANKAN KURSUS-KURSUS DAN PEPERIKSAAN PERSIJILAN BSMM

Am

1. Kursus-kursus BSMM dibahagikan kepada kategori-kategori berikut :-
 - 1.1 Persijilan BSMM untuk Sekolah
 - 1.2 Persijilan Asas BSMM
 - 1.3 Persijilan Lanjutan BSMM
 - 1.4 Sijil Jurulatih BSMM
 - 1.5 Sijil Jurulatih Kanan BSMM

Pegawai-pegawai Yang Dipertanggungjawabkan

2. Pegawai-pegawai yang dipertanggungjawab untuk menggerakkan kursus di pelbagai peringkat adalah seperti berikut:

2.1 Cabang	-	Pegawai Penjaga Latihan
2.2 Cawangan	-	Penolong Pengarah Latihan
2.3 Ibu Pejabat Kebangsaan	-	Pengurus Perkhidmatan Pertolongan Cemas

Penganjur Kursus

3. Seorang penganjur hendaklah dilantik sebaik memulakan kursus dipertanggung-jawabkan untuk menganjur dan mentadbirkan kursus dan peperiksaan dari mula hingga akhir program dan mempastikan supaya peralatan kursus diaturkan secukupnya.
4. Dia mestilah seorang yang bertanggungjawab dan faham akan peraturan dan undang-undang Kursus dan Peperiksaan BSMM.
5. Tugas-tugas Penganjur Kursus seperti diterangkan di dalam Bab 5 Buku Panduan ini.

Saiz Kelas

6. Saiz kelas bergantung kepada jenis kursus dan ruang yang ada. Bila mana latihan praktikal dikendalikan dalam kursus, adalah disyorkan agar bilangan peserta dalam satu kelas tidak melebihi 30 orang. Adalah mustahak kita memberi peluang kepada peserta melakukan latihan praktikal seberapa banyak yang mungkin dan mudah diberikan perhatian.
7. Bilangan minima peserta bagi satu-satu kursus yang hendak dijalankan seharusnya tidak kurang daripada 15 orang.

Syarat-syarat Untuk Menduduki Peperiksaan

8. Calon-calon mestilah menghadiri 100% ceramah yang disampaikan sebagai syarat kelayakan untuk menduduki peperiksaan.
9. Calon-calon yang gagal untuk memperolehi Sijil Penuh pada kali pertama menduduki peperiksaan hendaklah diberi peluang untuk menduduki semula kursus dan mengambil semula kertas yang ia gagal dalam masa 3 bulan dari tarikh peperiksaan.
10. Hanya ahli-ahli BSMM dibenarkan untuk hadir dan menduduki Kursus dan Peperiksaan Persijilan Penuh BSMM. (rujuk perenggan **3.2 BAB 1**)

Permohonan Kertas Soalan

11. Permohonan untuk mendapatkan kertas soalan mestilah sampai ke Ibu Pejabat Kebangsaan daripada Cawangan sekurang-kurangnya 3 minggu sebelum tarikh peperiksaan. Contoh salinan Borang Permohonan untuk kertas soalan seperti di **Kembaran AJ**. Walau bagaimanapun cara permohonan dan penghantaran kertas soalan akan diperkemaskan mengikut keadaan semasa.
12. Pemeriksa yang dicalonkan untuk Peperiksaan Amali dikehendaki menyediakan set soalannya sendiri.

Jangkamasa Peperiksaan

13. Pemeriksaan akan diadakan berterusan di seluruh Cawangan pada tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Institut BSMM dan masa-masa peperiksaan adalah seperti berikut:

13.1 Persijilan untuk Belia (Sekolah Menengah)	-	2 Kali setahun
13.2 Persijilan Asas BSMM	-	2 Kali setahun
13.3 Persijilan Lanjutan BSMM	-	Sekali setahun

Mengendalikan Peperiksaan

14. Setengah Peperiksaan akan dijalankan dalam 2 bahagian iaitu teori dan amali. Ianya akan dikendalikan seperti berikut :

14.1 Teori

Calon-calon boleh menduduki kertas bertulis dengan kertas soalan yang disediakan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan. Seterusnya calon-calon menyerahkan kertas jawapan kepada Pengawas Peperiksaan di akhir sesi peperiksaan.

14.2 Lisan/Amali

Peperiksaan Lisan dan Amali akan dijalankan oleh Pemeriksa. Ia hendaklah disekalikan dengan kertas teori

15. Peperiksaan Pertolongan Cemas Lanjutan , Kursus Ulangkaji Jurulatih dan Sijil Kecekapan akan dikendalikan oleh Ahli Lembaga Peperiksaan.

Kertas Soalan

16. Semua kertas soalan bagi Peperiksaan BSMM akan disediakan oleh Lembaga Peperiksaan.
17. Sebaik sahaja borang permohonan diterima, Ibu Pejabat Kebangsaan akan menghantar soalan (dengan menggunakan e-mail) bersama-sama dengan skim permarkahan di dalam sampul yang dimeterai bagi setiap perkara kepada Setiausaha Cawangan /Setiausaha Cabang yang mana akan memajukannya kepada Pegawai Peperiksaan di pelbagai pusat.
18. Kertas soalan hendaklah dikendalikan dengan penuh “**Rahsia**” dan disimpan di tempat yang selamat dan berkunci.

19. Sampul yang mengandungi kertas soalan mesti dibuka di hadapan calon-calon oleh Pengawas Peperiksaan sebelum bermula sesuatu peperiksaan itu.

Pengawas Peperiksaan

20. Pengawas Peperiksaan hendaklah dilantik untuk dipertanggungjawabkan bagi sesuatu perjalanan peperiksaan. Tugas-tugas melibatkannya diterangkan dalam Bab 5.
21. Sebagai keutamaan sesuatu peperiksaan itu, Cawangan/Cabang mestilah melantik beberapa orang pemeriksa untuk memeriksa skrip peperiksaan. Terserahlah kepada Cawangan/Cabang masing-masing melantik pemeriksa yang mana satu untuk ditempatkan di satu-satu pusat peperiksaan, tetapi pemeriksa tidak boleh didatangkan dari pusat peperiksaan yang sama di mana peperiksaan itu dijalankan.
22. Setiap pengawas peperiksaan hendaklah memberikan nama dan alamat pemeriksa. Selepas setiap peperiksaan, pengawas peperiksaan akan mengepulkan skrip jawapan di dalam sampul bermeterai bersama-sama dengan salinan kertas soalan. Skrip Pemarkahan dan Penyata Peperiksaan bagi setiap perkara dan sampul tersebut diserahkan terus kepada pemeriksa.

Pemeriksa

23. Pemeriksa hendaklah memeriksa skrip jawapan berdasarkan kepada skim pemarkahan yang disediakan bagi setiap perkara, dan seterusnya menggredkan keputusan setiap calon. Penggredan terakhir mestilah dimasukkan ke dalam Penyata Peperiksaan mengikut nama-nama setiap calon-calon berserta dengan nombor keahlian (bagi ahli-ahli) di ruangan 2 Penyata Peperiksaan dan nombor kad pengenalan bagi yang bukan ahli
24. Pemeriksa akan memajukan Penyata Peperiksaan tersebut kepada Setiausaha Cawangan tidak melewati 1 minggu dari tarikh peperiksaan.

Borang-Borang (Penyata Peperiksaan)

25. Penyata Peperiksaan yang dilengkapkan dengan butiran lanjut mengenai kursus dan lain-lain yang berkaitan dengannya, senarai

kehadiran dan markah yang diperolehi adalah diuruskan oleh Cawangan. Ianya hendaklah disediakan dalam 2 salinan dan dimajukan kepada Ibu Pejabat Kebangsaan tidak lewat daripada 4 minggu selepas tarikh peperiksaan. Contoh Penyata Peperiksaan seperti di **KEMBARAN AK** berserta dengan kertas jawapan 3 kertas jawapan tertinggi dan 3 kertas jawapan terendah.

26. Satu salinan borang akan disimpan di Ibu Pejabat Kebangsaan untuk tempoh 5 tahun dan yang satu lagi dipulangkan kepada Cawangan bersama-sama dengan sijil, kepada mereka yang berjaya.
27. Hanya ahli BSMM sahaja yang dibenarkan menduduki kursus dan peperiksaan serta persijilan BSMM dan peperiksaan untuk menjadi seorang Jurulatih. (seperti diperenggan 3.2 dalam BAB 1)
28. Ibu Pejabat Kebangsaan akan mengeluarkan sijil tidak lewat dari dua (2) bulan selepas tarikh Penyata Peperiksaan diterima dari Cawangan.

Borang Penilaian Kursus

29. Peserta yang mengikuti kursus adalah diwajibkan mengisi Borang Penilaian Kursus di akhir tiap-tiap kursus. pemeriksa dikehendaki membekalkan borang ini untuk membolehkan sesuatu kursus dapat dinilai. Contoh borang seperti di **KEMBARAN AI**.

BAB 5

TUGAS SEORANG PENGANJUR

1. SEBELUM KURSUS

Sebelum kursus dijalankan, penganjur seharusnya:

- 1.1 Mengetahui kedudukan edisi terakhir Buku Panduan No. 7 Latihan yang telah disemak semula dengan mata pelajaran manualnya yang betul.
- 1.2 Berikan butiran lanjut mengenai kursus kepada Penolong Pengarah Latihan Cawangan untuk diluluskan. Nama-nama, alamat dan kelayakan Jurulatih, Pensyarah dan Pemeriksa hendaklah disertakan bersama.
- 1.3 Bekalkan Pensyarah/Jurulatih dengan sukatn pelajaran terkini yang telah diluluskan.
- 1.4 Pastikan kesesuaian dan keselesaan dewan/bilik darjah (kelas) untuk sesuatu kursus itu.
- 1.5 Dapatkan peralatan bantuan mengajar seperti 'Multimedia Projector/ Overhead Projector', papan tulis, pen marker dan alat-alat bantuan yang difikirkan perlu.
- 1.6 Dapatkan secukupnya Penyata Peperiksaan daripada Setiausaha Cawangan/Cabang.
- 1.7 Menyediakan nota syarahan secukupnya untuk setiap calon.

2. SEMASA KURSUS

- 2.1 Menepati masa dan menyediakan apa-apa yang perlu bagi setiap sesi.
- 2.2 Periksa semua kelengkapan kursus.

- 2.3 Tentukan penyusunan tempat duduk.
- 2.4 Berikan apa jua bantuan sewajarnya kepada pensyarah dan peserta-peserta kursus.
- 2.5 Mengisikan Penyata Peperiksaan untuk Pemeriksa.

3. MENGATURKAN PEPERIKSAAN

- 3.1 Permohonan kertas soalan peperiksaan hendaklah dimajukan kepada Ibu Pejabat Kebangsaan tidak lewat dari 3 minggu sebelum tarikh peperiksaan.
- 3.2 Pensyarah yang sama tidak boleh menjadi Pemeriksa bagi satu-satu peperiksaan yang hendak dijalankan.
- 3.3 Calon-calon hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu bila tarikh dan masa peperiksaan akan dijalankan.
- 3.4 Permohonan kertas soalan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Kertas Soalan Peperiksaan seperti yang terkandung dalam **KEMBARAN AJ**.

4. SEBELUM PEPERIKSAAN

- 4.1 Sekurang-kurangnya seminggu sebelum peperiksaan, Pemeriksa hendaklah dibekalkan dengan sukanan pelajaran terkini dan nota kursus.
- 4.2 Urusan-urusan sewajarnya hendaklah dibuat untuk berjumpa dengan Pemeriksa dan jika perlu kenderaan disediakan.
- 4.3 Pengawasan mestilah dibuat bagi memastikan tidak berlaku penipuan di sepanjang Peperiksaan Teori dan Praktikal.
- 4.4. Menyediakan manikin secukupnya bagi Peperiksaan CPR.

5. PEPERIKSAAN

- 5.1 Hanya calon-calon, Pemeriksa dan lain-lain yang terlibat di dalam membantu peperiksaan sahaja dibenarkan masuk bilik peperiksaan. Buku teks, nota-nota tidak dibenarkan dibawa ke dalam bilik peperiksaan.
- 5.2 Arahan-arahan yang betul dan tepat hendaklah diberikan kepada calon-calon dengan No. Kad Pengenalan.
- 5.3 Calon-calon mestilah menuliskan nama mereka dalam Huruf Besar Cerai dengan terang dan No. Kad Pengenalan.
- 5.4 Tidak dibenarkan bercakap-cakap di antara satu dengan lain semasa peperiksaan.
- 5.5 Calon-calon tidak boleh meninggalkan bilik peperiksaan tanpa kebenaran atau sehingga mereka menyerahkan skrip jawapan masing-masing dan telah diumumkan bahawa masa peperiksaan telah tamat.

BAB 6

YURAN DAN ELAUN

Am

1. Penubuhan Dana Latihan dan Pelarasian dan Pengawalan Bayaran Elaun kepada Jurulatih telah diluluskan oleh Majlis Kebangsaan.

Pengecualian

Semua Agensi Persendirian dan Agensi Kerajaan adalah dikenakan bayaran levi bagi syarahan pada kadar RM150.00 setiap jam bagi kelas yang tidak melebihi 30 orang. Walau bagaimanapun bayaran levi kursus dikecualikan kepada berikut:

- 2.1 Angkatan Tentera di-Raja Malaysia
- 2.2 Polis di-Raja Malaysia
- 2.3 Bomba dan Penyelamat
- 2.4 Hospital-hospital Kerajaan
- 2.5 Peperiksaan Persijilan BSMM (Ahli-ahli BSMM)

Jenis-Jenis Kursus

3. **Jenis-jenis kursus yang berkaitan dengan pembayaran yuran dan elaun adalah:-**

- 3.1 Pengenalan Pertolongan Cemas dan Kardio Pulmonari Resusitasi
- 3.2 Persijilan Asas Pertolongan Cemas dan CPR
- 3.3 Persijilan Lanjutan Pertolongan Cemas dan CPR
- 3.4 Bantuan Hidup Asas (CPR)
- 3.5 Rakan Kongsi Kemanusiaan

3.6 Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah

Bayaran Kursus

4. Berikut adalah bayaran yang dikenakan bagi pelbagai kursus yang ditawarkan. Bilangan jam dipaparkan termasuklah masa peperiksaan.
 - 4.1 Pengenalan Pertolongan - RM150.00 seorang peserta Cemas & CPR Modul 11 jam
 - 4.2 Pertolongan Cemas - RM 250.00 seorang peserta Asas 14 jam
 - 4.3 Pertolongan Cemas Lanjutan 20 jam - RM 300.00 seorang peserta
 - 4.4 Bantuan Hidup Asas 8 jam - RM 250.00 seorang peserta

Satu 'package' dengan bilangan peserta 20 orang dengan tidak melebihi 30 orang peserta.

5. Peserta-peserta kursus bukan ahli dikenakan bayaran sebanyak RM10.00 tambahan dari bayaran di perenggan 4 dengan 70% bayaran dibayar ke Ibu Pejabat dan lebih 30% dimiliki oleh Cawangan.
6. Pelajar-pelajar yang bukan ahli BSMM di Sekolah Menengah Vokasional dibolehkan mengambil kursus dan seterusnya menduduki peperiksaan Pertolongan Cemas Asas dengan dikenakan bayaran RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja).

Elaun Untuk Jurulatih

7. Berikut adalah kadar elauan yang seharusnya dibayar kepada Jurulatih.
 - 7.1 Jurulatih BSMM RM 40.00 setiap jam
 - 7.2 Jurulatih Kanan BSMM RM 40.00 setiap jam

- | | | |
|------|--|-----------------------|
| 7.3 | Jururawat Terlatih/
Pembantu Perubatan dll | RM 40.00 setiap jam |
| 7.4 | Profesional - (Doktor
Perubatan, Peguam,
Akauntan Bertauliah) | RM 50.00 setiap jam |
| 7.5 | Pemeriksa (Praktikal)/
Bertulis | RM 40.00 setiap jam |
| 7.6 | Pemeriksa Skrip | RM 1.00 setiap skrip |
| 7.7 | Tuntutan Perbatuan
daripada BSMM IPK/
Pej. Cawangan/Pej. Cabang
(Pergi/Balik) | RM 0.40 sen tiap 1 km |
| 7.8 | Kursus Rakan Kongsi
Kemanusiaan | RM40.00 setiap jam |
| 7.9 | Kursus Seorang Pembantu
Pertolongan Cemas Setiap
Rumah | RM50.00 sekali kursus |
| 7.10 | Jurulatih Kawat Kaki | RM40.00 setiap jam |
| 7.11 | Jurulatih Simulasi
Kcederaan | RM40.00 setiap jam |
8. Jurulatih tidak layak membuat tuntutan seperti diterangkan dalam perenggan 5, sekiranya mereka dibayar terus oleh agensi Kerajaan.
9. Pensyarah/Jurulatih/Jurulatih Kanan mestilah membuat pengisytiharan jumlah yang mereka terima daripada agensi Kerajaan.
10. Bayaran tidak akan diberikan kepada Jurulatih yang mengajar kepada ahli-ahli BSMM. Walau bagaimanapun segala kos perbelanjaan Jurulatih/Pensyarah akan ditanggung oleh pihak penganjur sepenuhnya.

BAB 7

KURSUS-KURSUS DAN PEPERIKSAAN BSMM

1. PERSIJILAN BSMM UNTUK SEKOLAH

Pendidikan Palang Merah/ Bulan Sabit Merah dan Asas Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	-	8 jam
1.2. Pertolongan Cemas Asas dan CPR	-	14 jam
1.3. Pendidikan Kesihatan	-	6 jam

2. PERSIJILAN BSMM

2.1 Pendidikan Asas Palang Merah/Bulan Sabit Merah & Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa	-	8 jam
2.1.1 PBS	-	8 jam
2.1.2 Guru Pemimpin BSMM	-	16 jam
2.2 Pertolongan Cemas Asas dan CPR-	-	14 jam
2.3. Bantuan Bencana & Operasi Menyelamat	-	10 jam
2.4 Pilih SATU daripada 2 mata pelajaran:		
• Pendidikan Kesihatan	-	6 jam
• Rawatan Rumah	-	6 jam
2.5 Pengurusan & Pentadbiran	-	8 jam
2.6. Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR	-	20 jam

2.7. Kaedah Mengajar	- 8 jam
2.8 Bantuan Hidup Asas	- 8 jam
2.9 Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa	- 24 jam
2.10 Sijil Kawat Kaki	- 20 jam
2.11 Sijil Simulasi Kecederaan	- 20 jam

3. **SIJIL JURULATIH**

3.1 Lulus Peperiksaan Persijilan Asas & Persijilan Lanjutan BSMM, Kaedah Mengajar dan Penilaian Kecekapan (kecuali Sijil Kawat Kaki)	
3.2 Kaedah Mengajar (Guru terlatih dikecuaikan)	- 8 jam

4. **SIJIL JURULATIH KANAN**

4.1 Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 30 Jam pengajaran bagi tiap-tiap tahap Asas dan Lanjutan.	
4.2 Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 5 Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah setiap tahun.	
4.3 Menyempurnakan tempoh 3 tahun sebagai Jurulatih.	
4.4 Lulus di dalam mata pelajaran Bantuan Hidup Asas	
4.5 Lulus kursus Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	- 36 jam atau menghadiri kursus UUKA anjuran bersama BSMM dengan kerjasama Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah/Bulan Sabit Merah (JAPM- ICRC)

4.6 Telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawab Persatuan dengan memuaskan dan diperakui oleh Pengerusi Cawangan.

5. SIJIL JURULATIH SKIM LENCANA KECEKAPAN BELIA DAN KANAK-KANAK

5.1 Seorang Guru Pemimpin untuk Unit Bulan Sabit Merah Malaysia di Sekolah Menengah.

5.2 Seorang Guru Pemimpin untuk Unit Bulan Sabit Merah Malaysia di Sekolah Rendah

5.3 Lulus di dalam kursus-kursus wajib Bulan Sabit Merah Malaysia seperti diterangkan di perenggan 9, BAB 3

BAB 8

KURSUS ULANGKAJI PERSIJILAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

1. Mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Latihan ke 18 yang diadakan pada 15hb Jun 1993, Sijil-sijil Bulan Sabit Merah Malaysia berikut termasuk Sijil-sijil Jurulatih/Jurulatih Kanan/Jurulatih Skim Lencana Kecekapan Belia dan Kanak-kanak hanya laku selama tiga tahun sahaja.
 - 1.1 Sijil Pengenalan Pertolongan Cemas & CPR
 - 1.2 Sijil Pertolongan Cemas Asas dan CPR
 - 1.3 Sijil Pertolongan Cemas Lanjutan dan CPR
 - 1.4 Sijil Bantuan Hidup Asas (CPR)
2. Pemegang Sijil Jurulatih Kanan /Jurulatih BSMM perlu menghadiri kursus Ulangkaji Pertolongan Cemas Lanjutan dan untuk Jurulatih Kanan pula ditambah dengan menghadiri kursus Ulangkaji mata pelajaran Bantuan Hidup Asas enam bulan sebelum tarikh tamat dan tidak lewat dari 6 bulan selepas tarikh luput sijil.
3. Pemegang Sijil Jurulatih Skim Lencana Kecekapan Belia dan Kanak perlu menghadiri kursus Ulangkaji Pertolongan Cemas Asas dan CPR enam bulan sebelum tarikh tamat dan tidak lewat dari 6 (enam) bulan selepas tarikh luput sijil.

BAB 9

LENCANA KECEKAPAN AHLI-AHLI PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS)

LENCANA PEPERIKSAAN

1. Penganugerahan 'Lencana Kecekapan' adalah berdasarkan kepada ahli-ahli yang telah menyempurnakan setiap bidang seperti berikut:
 - 1.1 Lencana Kecekapan ini akan diberikan kepada mereka yang telah lulus dan memperolehi Sijil BSMM penuh dalam peperiksaan seperti berikut:
 - a. Persijilan BSMM Asas
 - b. Persijilan BSMM Lanjutan
 - 1.2 Hanya satu sahaja lencana peperiksaan yang mana lebih tinggi boleh dipakai dan hendaklah dipamerkan dilengen kanan pakaian seragam.
 - 1.3 Cara pemakaian adalah di **KEMBARAN B.**

LENCANA JURULATIH

2. Lencana-lencana Jurulatih dan Jurulatih Kanan. Penganugerahan Lencana Jurulatih dan Jurulatih Kanan adalah dibuat mengikut peraturan dan tertakluk kepada fakta-fakta berikut :
 - 2.1 Telah lulus peperiksaan persijilan BSMM mengikut tahap-tahap yang diterangkan di Bab 3.
 - 2.2 Hanya satu lencana yang mana lebih tinggi boleh dipakai di atas poket kanan pakaian seragam.
 - 2.3 Cara pemakaian adalah di **KEMBARAN A.**
3. Reka bentuk Lencana: Rekabentuk lencana peperiksaan dan jurulatih adalah seperti berikut:


- 3.1 Lencana Peperiksaan. Lencana tersebut berukuran 4.0sm yang menunjukkan tahap-tahap peperiksaan yang mereka lulus. Tulisan dan lingkaran berwarna merah berlatar-belakangkan warna putih.
- 3.2 Lencana Jurulatih dan Jurulatih Kanan. Lencana berbentuk bulat bergaris pusat 5.0 sm dengan tulisan dan lingkaran bertekat benang emas berlatarbelakangkan warna putih.

KEMBARAN A

CARA PEMAKAIAN LENCANA
JURULATIH/JURULATIH KANAN



**LENCANA PEPERIKSAAN
UNTUK
PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS)**



BAB 10

SKIM LENCANA UNTUK AHLI-AHLI BELIA BSMM

1. TUJUAN

Tujuan peraturan ini adalah untuk memberi garis panduan mengenai penganugerahan Lencana Kecekapan kepada ahli-ahli Belia (Youth) berdasarkan keaktifan dan komitmen mereka dalam projek-projek dan aktiviti Bulan Sabit Merah Malaysia, khusus dalam bidang Pertolongan Cemas.

2. OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pada akhir pembelajaran dalam mata pelajaran yang disediakan kepada Ahli Belia (ahli-ahli BSMM) mereka akan dapat:

2.1 menjalankan aktiviti Persatuan Bulan Sabit Merah di sekolah

2.2 menguasai pengetahuan:

- Pertolongan Cemas Asas dan CPR
- Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan
- Pendidikan Kesihatan

Di samping itu lain-lain pengetahuan yang digariskan di dalam sukanan pelajaran BSMM.

2.3 memupuk semangat kesukarelaan, kesejagatan, disiplin, kepimpinan dan bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat menjurus kepada modal insan.

3. CARA PENGAJARAN

3.1. Cara pengajaran dan pembelajaran seharusnya mengikut ciri-ciri berikut:

- Syarahan
- Perbincangan
- Amali
- Simulasi
- Lawatan
- Pendidikan Luar
- Perkhemahan

3.2 Sukatan pelajaran untuk kursus-kursus adalah seperti berikut:

- | | | | |
|------------------|---|--|-------------------|
| 3.2.1 Kembaran C | - | Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa | |
| | | | - (13 jam) |
| 3.2.2 Kembaran D | - | Pertolongan Cemas Asas dan CPR | |
| | | | - (14 jam) |
| 3.2.3 Kembaran E | - | Pendidikan Kesihatan | - (6 jam) |
| 3.2.4 Kembaran F | - | Kawat (25 perintah daripada 47) | |
| 3.2.5 Kembaran G | - | Kem Kraf (3 aktiviti perkhemahan) | |
| 3.2.6 Kembaran H | - | Cegah Kebakaran | - (6 jam) |

4. **PERSIJILAN**

Sebanyak tiga jenis kursus iaitu:

- 4.1 Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa
- 4.2 Pertolongan Cemas Asas dan CPR dan
- 4.3 Pendidikan Kesihatan

adalah kursus-kursus bersijil. Ahli Belia BSMM yang menduduki peperiksaan dan lulus di dalam teori dan amali, mereka akan diberi Sijil-sijil mengikut mata-mata pelajaran.

5. LENCANA KECEKAPAN

5.1 Ahli-ahli belia BSMM akan dibenarkan memakai Lencana Kecekapan yang diperbuat daripada kain berwarna merah berbentuk bulat dengan bergaris pusat 3 sm dengan tulisan subjek berwarna putih seperti berikut:

5.1.1 PERSAHABATAN ATARABANGSA

